



KOPERASI KAKITANGAN

AMANAH IKHTIAR MALAYSIA BERHAD

Lot 1-3, Tingkat 1, Jalan Cempaka Sd 12/1a, Bandar Sri Damansara Pju 9, 52200 Kuala Lumpur.

Tel : 03-6263 4501 @ 8501

Fax : 03-6263 9501

E- Mail : admin@kkaimb.my

Syarat-Syarat Pembiayaan Anggota Koperasi Kakitangan Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad

1. Pembiayaan Mudah Tunai

- i. Telah menjelaskan Yuran Masuk dan Modal Saham sebanyak RM100.00.
- ii. Telah menjadi anggota Koperasi ini tidak kurang dari 12 bulan.
- iii. Jumlah pembiayaan perlu dilindungi oleh Skim Takaful, Duti Setem, Yuran Tawarruq ,Yuran Proses dan sumbangan Takaful akan dipotong dari jumlah yang diluluskan.
- iv. Jumlah pembiayaan tertakluk kepada jumlah Saham dan Yuran terkumpul dan/atau maksima sebanyak RM15,000.00.
- v. Tidak memerlukan penjamin.
- vi. Bayaran balik secara terus kepada akaun KKAIMB setiap bulan atau mana-mana cara yang ditetapkan KKAIMB.
- vii. Tempoh bayaran balik sehingga 36 bulan (3 tahun).
- viii. Caj pembiayaan sebanyak 5% setahun.

Tempoh Bayar Balik					
6 bulan	12 bulan	18 bulan	24 bulan	30 bulan	36 bulan
5% setahun					

- ix. Koperasi berhak mengambil tindakan Undang-undang dan tindakan lain seperti menggunakan khidmat pihak ketiga bagi tujuan tuntutan semula termasuk lain-lain caj yang dikenakan. KKAIMB juga berhak membuat tolakan kontra dividen, saguhati, saham dan yuran jika bertunggakan.

2. Pembiayaan Peribadi

- i. Telah menjelaskan Yuran Masuk dan Modal Saham sebanyak RM100.00.
- ii. Telah menjadi anggota Koperasi ini tidak kurang dari 12 bulan.
- iii. Jumlah pembiayaan perlu dilindungi oleh Skim Takaful, Duti Setem, Yuran Tawarruq ,Yuran Proses dan sumbangan Takaful akan dipotong dari jumlah yang diluluskan.
- iv. Jumlah pembiayaan tertakluk kepada kelayakan potongan gaji dan mempunyai Modal Saham dan Yuran terkumpul sekurang-kurangnya 15% dari jumlah pembiayaan yang dipohon. Anggota boleh memohon sehingga 20 kali ganda gaji pokok atau maksima RM150,000.00 tertakluk kepada mana-mana yang lebih rendah.
- v. Memenuhi prosedur kelayakan potongan gaji yang ditetapkan oleh Pihak Pengurusan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan berjawatan tetap.
- vi. Pembiayaan adalah tanpa penjamin.
- vii. Bayaran balik melalui potongan gaji secara bulanan atau mana-mana cara yang disediakan atau ditetapkan KKAIMB.
- viii. Tempoh maksima bayaran balik pembiayaan adalah 10 tahun.
- ix. Caj antara 3% - 4.5% setahun.

Tahun Bayar Balik										
1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	
3.0%	3.0%	3.0%	3.0%	3.0%	3.5%	3.5%	4.0%	4.5%	4.5%	

- x. Koperasi berhak mengambil tindakan Undang-undang dan tindakan lain seperti menggunakan khidmat pihak ketiga bagi tujuan tuntutan semula termasuk lain-lain caj yang dikenakan. KKAIMB juga berhak membuat tolakan kontra dividen, saguhati, saham dan yuran jika bertunggakan.
- xi. Anggota yang telah tamat perkhidmatan dengan AIM tertakluk kepada syarat-syarat tambahan berikut:
 - a. Had maksima pembiayaan adalah berdasarkan jumlah modal saham dan yuran terkumpul.
 - b. Tertakluk kepada kelulusan Anggota Lembaga KKAIMB.